

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA 2020, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK ZAKARIA BIN MOHD. EDRIS @
TUBAU [LIBARAN]**

TARIKH : 25 NOVEMBER 2020 (RABU)

SOALAN

Minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan apakah bantuan yang akan dihulurkan oleh Kementerian kepada pelajar serta keluarga yang terjejas akibat keputusan drastik penangguhan kemasukan pelajar IPT demi kekang penularan wabak COVID-19.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian telah bekerjasama dengan syarikat penerbangan dan pengangkutan darat seperti Malaysia Airlines, AirAsia, Malindo Air dan FireFly serta pihak Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) bagi menawarkan penjadualan semula pergerakan pelajar tanpa dikenakan sebarang implikasi kos tambahan. Pihak pengurusan universiti awam juga menyediakan insentif kewangan; pemberian pelan data dan peranti secara percuma atau pada harga tawaran istimewa; elaun sara hidup; dan bantuan makanan kepada pelajar berkeperluan.

Kementerian juga peka terhadap isu rumah sewa yang sering dihadapi oleh pelajar. Atas dasar keprihatinan mendalam terhadap permasalahan ini, maka Kementerian dengan kerjasama Majlis Perumahan Universiti Malaysia (MAPUM) telah mengolah langkah bagi membangunkan garis panduan pengurusan rumah sewa siswa untuk digunapakai di peringkat IPT. Kementerian turut mencadangkan kepada

NO. SOALAN : 27

pihak universiti awam agar satu unit/seksyen khusus diwujudkan bagi mengendalikan urusan dan kebajikan pelajar *non-resident* atau pelajar luar kampus. Lanjutan daripada ini, Kementerian dengan kerjasama MAPUM, universiti awam dan Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) sedang membangunkan satu portal pengurusan rumah sewa siswa yang dilihat menjadi satu platform bersepadu bagi pengurusan hal ehwal berkaitan rumah sewa atau kemudahan penginapan luar kampus bagi pelajar.

Atas dasar keprihatinan, bagi pengajian semester 2 sesi 2019/2020, Kerajaan telah bersetuju untuk mengurangkan kadar yuran asrama dan perkhidmatan atau aktiviti UA sehingga 15 peratus. Ini melibatkan peruntukan sebanyak RM72 juta. Bagi pengajian semester 1 Sesi 2020/2021 pula, Kerajaan juga bersetuju untuk mengurangkan yuran asrama dan perkhidmatan pada kadar minimum 10 peratus.

Kementerian amat mengalu-alukan segala sumbangan dan peranan oleh pihak luar termasuk NGO; agensi; syarikat; atau individu untuk tampil sama-sama berganding bahu menghulurkan bantuan kepada pelajar di universiti awam. Atas prinsip ini, Kementerian dengan kerjasama Yayasan Sukarelawan Siswa (YSS) juga telah melancarkan inisiatif dengan izin *crowdfunding* melalui Tabung Prihatin Siswa. Inisiatif ini mengajak pihak luar untuk turut sama menyalurkan sumbangan bagi membantu meringankan kesulitan pelajar yang berkeperluan dalam meneruskan sesi PdP mereka.

Sekian, terima kasih.